

03/12/1998

Pemuda Johor sasar 300,000 tandatangan

JOHOR BAHRU, Rabu - Pergerakan Pemuda Umno Johor menetapkan sasaran 300,000 tandatangan sempena Kempen Tandatangan Sokongan Kepada Malaysia yang dilancarkan bulan lalu.

Ketuanya, Hasni Mohammad berkata, kempen akan diadakan di seluruh bahagian dan cawangan membabitkan ahli Pergerakan Pemuda Umno dan orang ramai.

Katanya, hasil kempen itu akan diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena forum Pemuda Dalam Alaf Baru di Kuala Lumpur pada 12 Disember depan," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Hasni berkata, kempen itu antara lain bertujuan menunjukkan sokongan rakyat terhadap negara dan kerajaan yang sejak kebelakangan ini kerap dikritik pihak asing.

"Pemuda Umno berharap kempen ini dapat membuktikan kepada pemimpin asing terutama yang kerap mengkritik negara ini rakyat Malaysia tetap bersatu padu dalam menghadapi apa juga cabaran," katanya.

Beliau berharap Pemuda Umno terus komited terhadap perjuangan parti kerana Umno mampu menjaga kepentingan orang Melayu.

"Walaupun sejak kebelakangan ini terdapat kegawatan ekonomi dan politik, Umno masih utuh dan diharap keadaan ini berkekalan," katanya.

(END)